

Eksport Kayu Dan Produk Kayu Malaysia Meningkat Tahun Ini
Bernama
6 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Eksport kayu dan produk kayu Malaysia pada 2012 dijangkakan lebih baik berbanding tahun lepas, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Tan Sri Bernard Dompok, Selasa.

Beliau berkata Malaysia mengeksport kayu dan produk kayu bernilai RM19.8 bilion tahun lepas, dan produk perabot bernilai RM6.46 bilion atau 32.6 peratus daripada jumlah eksport.

"Secara tradisinya, Amerika Syarikat merupakan pengimport utama perabot Malaysia. Bagaimanapun, sejak kebelakangan ini terdapat peningkatan ketara import perabot Malaysia dari negara bukan tradisi seperti Rusia, Timur Tengah dan negara Asia lain seperti Thailand dan India," kata Dompok pada perasmian Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia (MIEF) 2012, selama lima hari yang bermula hari ini.

Beliau berkata sebelum ini, industri domestik bergantung kepada pengeluaran besar-besaran.

"Saya yakin penyepaduan usaha oleh industri dan kerajaan akan menyumbang ke arah mencapai sasaran RM16 bilion nilai eksport perabot menjelang 2020," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650287>